

PERTANDINGAN FOTOGRAFI KEINDAHAN MASJID WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

SYARAT-SYARAT PENYERTAAN

1. Penyertaan terbuka kepada warganegara Malaysia.
2. Penyertaan adalah percuma. Borang penyertaan boleh dimuat turun di laman sesawang www.masjidwilayah.gov.my atau di Pejabat Pentadbiran Masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.
3. Peserta perlu mengisi borang pendaftaran dan diserahkan kepada urus setia pertandingan di Pejabat Pentadbiran Masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dalam tempoh pertandingan sebelum dibenarkan untuk merakam foto. **Tempoh pertandingan bermula pada tarikh 24 hingga 27 Oktober 2019 dan sesi rakaman foto bermula jam 9.00 pagi hingga 4.00 petang sepanjang tempoh pertandingan. Tarikh tutup penerimaan foto adalah pada 29 Oktober 2019 sebelum jam 4.00 petang.**
4. Hanya kamera jenis DSLR sahaja dibenarkan untuk merakam foto bagi pertandingan ini. Penggunaan “dron” tidak dibenarkan sama sekali.
5. Setiap peserta dihadkan 3 keping foto sahaja untuk penyertaan. Syarat bagi foto-foto yang dihantar untuk penyertaan adalah **bersaiz 8R dan disertakan bersama salinan CD yang mengandungi softcopy foto-foto tersebut dalam format JPEG**. Walaubagaimanapun hanya 1 foto yang akan dipilih sekiranya layak dipilih sebagai pemenang
6. Setiap salinan foto perlu dicatatkan maklumat iaitu **nama peserta, nombor kad pengenalan dan nombor telefon untuk dihubungi dibahagian belakang foto**. Foto yang diserahkan selepas tarikh dan waktu yang ditetapkan tidak layak untuk penyertaan. Penyertaan perlu dihantar di alamat berikut :

**Pejabat Pentadbiran
Masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
Jalan Tuanku Abdul Halim
50480 Kuala Lumpur**

Up: Urus setia Pertandingan Fotografi Keindahan MWPKL

7. Hadiah wang tunai untuk pemenang-pemenang adalah seperti berikut :

Pertama RM 1000.00

Kedua RM 700.00

Ketiga RM 500.00

Keempat hingga ketujuh RM200.00

8. Peserta perlu mematuhi adab-adab dan garis panduan semasa berada di dalam kawasan masjid.
9. Pihak penganjur berhak untuk menolak penyertaan atau menarik balik hadiah yang diberikan sekiranya pihak juri mendapati foto yang dipertandingkan melanggar syarat-syarat pertandingan atau sebarang hak cipta terpelihara.
10. Semua foto yang diserahkan untuk dipertandingkan akan menjadi hak milik mutlak pihak penganjur.
11. Pemenang-pemenang akan dihubungi melalui telefon atau e-mel. Penyampaian hadiah akan diadakan pada tarikh dan masa yang akan dimaklumkan oleh pihak urus setia.
12. Keputusan juri adalah muktamad, sebarang bentuk bantahan atau rayuan tidak akan dilayan.

